

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING
[KULAI]

TARIKH : 19 MEI 2015 (SELASA)

SOALAN :

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Peguam Negara akan mendakwa Mashitah Ibrahim dan YB Bera yang telah membuat kenyataan yang berbau hasutan.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sekiranya terdapat keterangan dan bukti yang kukuh yang menunjukkan bahawa Datuk Mashitah Ibrahim dan YB Bera telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948, Jabatan Peguam Negara akan mengambil tindakan pendakwaan terhadap Datuk Mashitah Ibrahim dan YB Bera di bawah undang-undang tersebut.

2. Jabatan Peguam Negara bertanggungjawab untuk meneliti semua fakta berkaitan yang dikemukakan oleh agensi penguat kuasa. Sekiranya Jabatan Peguam Negara berpuas hati bahawa keterangan yang dikumpul adalah kukuh bagi membuktikan suatu kesalahan, maka suatu pertuduhan akan dibuat di Mahkamah.

3. Oleh itu, keputusan Jabatan Peguam Negara dalam mengemukakan pertuduhan atau tidak terhadap mana-mana individu adalah berdasarkan kepada keterangan dan fakta kejadian, dan bukanlah atas desakan oleh mana-mana pihak atau apa-apa faktor yang lain. Keputusan tersebut dibuat dengan adil, tidak memihak kepada sesiapa dan berlandaskan teras intergriti bagi memastikan mangsa, saksi, tertuduh dan orang awam memperoleh keadilan dengan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD
IMRAN BIN ABD HAMID (B) [LUMUT]**

TARIKH : 19 MEI 2015 (SELASA)

SOALAN : 77

Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [Lumut] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah reaksi Kerajaan apabila didakwa berbohong dalam mengendalikan maklumat kehilangan MH370 oleh satu Laman Web di Australia sebagaimana dilaporkan dalam **FREE MALAYSIA TODAY**.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia sentiasa telus dalam mengendalikan maklumat berkaitan kehilangan pesawat MH370 bersama-sama dengan Kerajaan Australia dan Republik Rakyat China. Maklumat-maklumat tersebut diperolehi daripada sumber yang sah dan telah disampaikan kepada waris keluarga penumpang dan anak kapal MH370 khususnya dan masyarakat dunia amnya melalui laman web rasmi MH370 dari semasa ke semasa.

Penetapan kawasan dan operasi pencarian adalah berdasarkan kepada nasihat teknikal oleh satu kumpulan pakar berhubung satelit yang dianggotai oleh pakar-pakar daripada *Air Accident Investigation Branch (AAIB), United Kingdom, National Transportation Safety Board (NTSB), United States, Australian Transportation Safety Bureau (ATSB), Boeing, Australia's Defence Science and Technology Organisation, Thales, Inmarsat* dan Jabatan Penerbangan Awam (DCA).

Memandangkan pesawat masih belum ditemui dan penyiasatan sedang dijalankan, tiada bukti yang dapat menyokong sebarang teori dan spekulasi berhubung misteri kehilangan pesawat tersebut.